



BULETIN PERSATUAN PENDUDUK TAMAN BANGI 3 DAN SURAU ABDUL RAHMAN BIN AUF



KELUARAN 2 : OGOS 2009



[Pesta Makan Durian anjuran AJK Pembangunan Keluarga, 25/07/2009](#)

Pesta makan durian telah diadakan di Surau Abdul Rahman bin Auf pada malam 25-07-09 Selepas Solat Isyak. Ia telah dihadiri oleh lebih kurang 40 keluarga. Sebanyak lebih 300 biji durian telah di habiskan pada malam itu.

[Kejohanan Boling TB3 – Sabtu 11 Julai 2009](#)

Satu kejohanan boling telah diadakan di Alamanda Putrajaya anjuran AJK Sukan. Ini adalah antara aktiviti yang dijalankan setiap tahun oleh persatuan. Antara kategori yang dipertandingkan ialah terbuka lelaki, wanita dan remaja.

[Masalah Anjing Liar di sekitar Taman](#)

Kebelakangan ini terdapat banyak anjing-anjing liar berkeliaran di sekitar rumah di Taman kita. Pada bulan yang lepas seorang penduduk telah menghantar satu report kepada Majlis Perbandaran Kajang berkenaan Anjing Liar yang berkeliaran di Perkarangan Surau dan rumah. Mesyuarat AJK telah membincangkan hal ini dan tindakan susulan akan di ambil. seperti berikut :

1. Penguatkuasa MPKJ ada dilihat disekitar kawasan perumahan kita dan bilangan anjing telah berkurangan. Mungkin sudah ada tindakan dari pihak MPKJ.
2. Tindakan susulan dari pihak persatuan ke pihak MPKJ.
Penduduk diingatkan supaya meletakkan sampah di tong sampah yang bertutup.

[GOTONG ROYONG SURAU – 15 OGOS 2009](#)

Gotong royong membersihkan Surau Abdul Rahman bin Auf telah diadakan pada 15 Ogos pukul 8:30 pagi bagi persiapan menghadapi Bulan Ramadhan yang jatuh pada 22 Ogos 2009.

[Tabung Naik Taraf Surau](#)

Jawatankuasa surau pada mesyuarat bertarikh 15 Mei 2009 telah bersetuju untuk menaik taraf surau dengan menyediakan kemudahan Peti Derma(kekai), pembesar suara, penggantian karpet, 3 buah aircond dan tangki air (surau pada masa ini tiada tangki air).

Jumlah anggaran kos keseluruhan ialah **RM30,000**.

Jawatankuasa surau bersetuju untuk mempelawa ahli kariah surau bagi menyumbang derma kepada tabung ini melalui derma secara lot. Jumlah satu lot ialah sebanyak **RM50.00** sahaja. Sebanyak 600 lot dibuka kepada semua ahli kariah.

Sasaran untuk menyediakan kemudahan ini ialah sebelum Ramadhan tahun ini (pertengahan Ogos 2009)

Setakat ini sebanyak lebih RM7000 telah berjaya dikumpulkan. Jawatankuasa surau telah menggantikan karpet Surau yang baru pada 8 Ogos 2009 yang lalu menggunakan derma yang diperolehi.

Tempahan derma lot ini boleh ditulis di papan kenyataan surau dan seterusnya bayaran dibuat kepada bendahari atau mana-mana AJK surau. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pengerusi Surau, Saudara Zulkarnain atau Bendahari, Haji Kamarulzaman Mohamad (013-9328020).

[KUTIPAN YURAN KESELAMATAN, SURAU DAN PERSATUAN](#)

Pada cuti Hari Raya aidilfitri yang akan datang, Jawatankuasa Keselamatan memutuskan akan mengadakan **KAWALAN KESELAMATAN 24 JAM** selama 7 HARI di taman kita. Bayaran Tambahan yang diperlukan ialah RM20. Kutipan yuran daripada penduduk akan diadakan di surau pada bulan Ramadhan ini selepas Solat Witir.



BULETIN PERSATUAN PENDUDUK TAMAN BANGI 3 DAN SURAU ABDUL RAHMAN BIN AUF



PROGRAM RAMADHAN 1430H/2009

Berbagai program diatur oleh pihak Jawatankuasa Surau dan Penduduk sempena menyambut Ramadhan yang akan menjelang ini. Diantara program yang di atur ialah:

1. Solat Tarawih

Jawatankuasa Surau telah mendapat 2 orang Hafiz untuk menjadi Imam Solat Tarawih.

2. Tadarus Al-Quran

Tadarus Al-Quran akan diadakan selepas selesai Solat Witir dan akan dibahagikan kepada 3 kategori iaitu:

- i. Dewasa
- ii. Remaja/ Kanak-kanak
- iii. Wanita

3. Ceramah Umum

Ceramah umum akan diadakan pada:

- i. Hari Kebangsaan - 10 Ramadhan / 31 Ogos (Isnin)
- ii. Nuzul Al-Quran – 17 Ramadhan / 7 Sept (Isnin)

4. Tazkirah

Tazkirah Ramadhan akan diadakan pada setiap Jumaat malam Sabtu dan Sabtu malam Ahad

5. Kuliah Subuh

Kuliah Subuh dicadangkan seperti berikut.

- i. 1 Ramadhan/22 Ogos (Sabtu)
- ii. 2 Ramadhan/23 Ogos (Ahad)
- iii. 8 Ramadhan/29 Ogos (Sabtu)
- iv. 15 Ramadhan/5 Sept (Sabtu)
- v. 16 Ramadhan/6 Sept (Ahad)
- vi. 22 Ramadhan/12 Sept (Sabtu)
- vii. 23 Ramadhan/13 Sept (Ahad)
- viii. 29 Ramadhan/19 Sept (Ahad)

6. Majlis Berbuka Puasa

Majlis berbuka puasa dicadangkan seperti berikut:

- i) Setiap Hari di Surau Abdul Rahman bin Auf (Lot Derma untuk berbuka puasa dibuka kepada semua penduduk)
- ii) 10 Ramadhan/ 31 Ogos (Hari Merdeka)
- iii) 17 Ramadhan / 7 Sept (Nuzul Al-Quran)

7. Moreh

Moreh akan diadakan setiap malam. Penyediaan makanan/minuman akan disediakan mengikut jalan-jalan di Taman Bangi 3 yang akan diberitahu kemudian.

8. Qiamulail

Jadual Qiamulail akan diberitahu kemudian.

9. Bayaran Zakat Fitrah di Surau Abdul Rahman bin Auf

Bayaran zakat fitrah oleh Amil yang dilantik oleh JAIS akan diadakan di Surau selepas Solat Witir. Tarikhnya akan diumumkan di Surau.

Untuk menjayakan program ramadhan ini , Jawatankuasa Surau memerlukan sumbangan baik dari segi kewangan dan tenaga daripada ahli-ahli kariah sekalian. Derma bolehlah diserahkan kepada Pengerusi Surau, Saudara Zulkarnain (019-2668499) atau Bendahari, Haji Kamarulzaman Mohamad (013-9328020).

Derma juga bolehlah dimasukkan kedalam Peti Derma Surau atau

Akaun Bank Islam atas nama "Surau Abdul Rahman bin Auf" nombor akaun : 12029010042670